

10/01/1998

Usah pilih kerja walaupun gaji rendah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat tidak seharusnya memilih kerja, sebaliknya sanggup menerima gaji lebih rendah berbanding yang diterima sebelum ini bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada pekerja yang terpaksa diberhentikan berikutan kegawatan ekonomi yang dihadapi negara sekarang, jumlahnya tidak begitu ramai.

Menurutnya, dalam keadaan sekarang walaupun seseorang itu diberhentikan kerja, dia tidak akan menghadapi banyak masalah mencari pekerjaan lain kerana peluang yang begitu banyak di negara ini.

"Negara kita ini mempunyai unemployment minus (pengangguran sifar), iaitu kita terpaksa bergantung kepada pekerja asing," katanya dalam program khas Pengguna dan Ekonomi, melalui slot Malaysia Hari Ini yang disiarkan secara langsung oleh TV3, hari ini.

Menjawab soalan penonton yang dihantar menerusi faksimili, beliau berkata tidak sepatutnya 'berkira' atau memilih pekerjaan, sebaliknya perlu sanggup membuat kerja yang selama ini dilakukan oleh pekerja asing.

"Tak patut kita tak bekerja sedangkan orang asing bekerja, tapi kita kena sanggup, kalau dulu kita jadi pekerja dalam pasaran saham (firma broker) dan dapat pula pendapatan tinggi, sekarang ini kita kena sanggup kerja yang dapat pendapatan kurang dan kerja yang berlainan.

"Kalau kita terlampau berkira tak hendak pergi sana, tak hendak pergi sini, nak duduk seperti dulu ... itu akan jadi masalah kepada diri kita," katanya.

(END)